

# THE TITAN

---

*Industry View*

TANGGUNGJAWAB  
SOSIAL KORPORAT  
(CSR)



RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

25 SEPTEMBER 2022 | BIL: 26

[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

DURIAN  
CREPE RABI  
DELIVERY  
KE HATI!



# GURU TADIKA BUAT TINDAKAN LUAR BIASA, HASIL LUAR BIASA

Dulu Robiatul Adawiyah Ibrahim bertugas sebagai guru tadika dengan pendapatan RM900 sebulan.

Suaminya pula bekerja sebagai penghantar pizza di sebuah rangkaian restoran makanan segera.

Sebagai wanita bergelar isteri, beliau tak sanggup melihat suaminya yang kadangkala pulang dalam keadaan luka-luka di tubuhnya disebabkan kemalangan ketika bekerja.

Sikap suaminya yang tidak memaklumkan Robiatul setiap kali kecelakaan berlaku kerana bimbang beliau susah hati, turut menjadi faktor pendorong kepada wanita ini memberi fokus kepada perniagaan durian crepe secara serius.

## BERNIAGA APA SAHAJA

Sebelum ini, Robiatul akan memulakan

kehidupannya seawal pukul 3 pagi untuk memasak bagi menyiapkan tempahan pelanggan dan keperluan keluarga sebelum ke tadika.

"Saya masih ingat, selepas pulang tadika sekitar pukul 12 tengah hari, saya buat penghantaran sebelum membeli barang berniaga dan sambil itu buat pemasaran untuk ambil pesanan orang serta masak lagi sehingga 12 tengah malam.

"Begitulah rutin sehariannya sebelum saya benar-benar serius berniaga durian crepe," ujarnya yang pada ketika itu hanya mampu meraih pendapatan RM1,000, itu pun jika jualannya mendapat sambutan.

Pada masa itu, Robiatul berniaga apa sahaja yang mampu dijualnya termasuk membuat lunch box, kek dan lasagna.

## SUARA MENTHOR



Rutin itu kadangkala membuatkan Robiatul kepenatan dan tertidur.

Namun, sekitar Ogos 2017 ‘bisikan’ suara mentor membuatkan Robiatul terus bangkit bertenaga selepas tertidur ekoran kepenatan.

Menurut Pengasas Durian Crepe Rabi Cheese Leleh By Rabi, itulah yang menjadi titik tolak perubahannya.

“Sangat penat, suatu hari dalam hati rasa nak rehat dan tidur sekejap.

“Tetapi masa itu seolah-olah terdengar suara Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman bahawa kalau you nak capai luar biasa dan ini adalah tindakan luar biasa you,” katanya mengimbau detik itu.

Tambah Robiatul lagi, beliau terus terbangun dan tonton video Dr. Azizan yang berkongsikan pelbagai ilmu keusahawanan.

“Saya fikir apa tujuan bisnes dan tindakan luar biasa. Kalau saya bangun, saya akan pastikan dapat hasil yang luar biasa. Inilah titik permulaan yang akan ingat sampai bila-bila,” jelasnya.

## MULA DENGAN ILMU PERCUMA

Sebelum ini, Robiatul secara tidak sengaja menonton video live Dr. Azizan menerusi platform media sosial, Facebook.

Beliau tertarik dengan inti pati disampaikan yang memetik hadis Nabi Muhammad SAW tentang sebaik-baik manusia adalah manusia yang memberi manfaat kepada orang lain.

“Saya cuba memahami ayat itu yang membuatkan saya tersentak. Saya mula berfikir bagaimana hendak melakukan perubahan pada diri dan keluarga.

“Kalau tak, siapa lagi nak bela nasib keluarga



kerana duit yang kami ada selalunya hanya cukup-cukup makan sahaja.

"Bermula dari situ, saya semakin rajin mengikuti live dan video Dr. Azizan," jelasnya.

Menerusi tontonan video tersebut, banyak ilmu yang Robiatul pelajari sehingga beliau memasang tekad untuk berniaga sepenuh masa dari rumah.

Seterusnya, beliau nekad mengambil keputusan meletakkan jawatannya sebagai guru tadika pada 2018.

"Sejak itu, saya menggunakan ilmu dari RichWorks dan ceramah Dr. Azizan yang diberikan secara percuma untuk berniaga dari rumah," ujarnya.

Anak kepada seorang guru mengaji al-Quran dan juga pemandu teksi itu kemudiannya menyertai program Black Magic yang

“

**TETAPI MASA ITU  
SEOLAH-OLAH  
TERDENGAR SUARA  
MENTOR USAHAWAN,  
DATUK WIRA DR. AZIZAN  
OSMAN BAHAWA KALAU  
YOU NAK CAPAI LUAR  
BIASA DAN INI ADALAH  
TINDAKAN LUAR  
BIASA YOU,” KATANYA  
MENGIMBAU DETIK ITU.**

dipelajarinya secara atas talian sehingga mampu menjana pendapatan daripada RM5,000 kepada RM20,000 secara konsisten.

"Daripada menyertai program dalam talian, saya mula memberanikan diri menghadiri program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK).

"Selepas itu, saya menyertai pula program Mentorship Spire pada Mac 2019, sebelum diterima menyertai Titanium circle penghujung tahun berkenaan," katanya.

## KEJUTAN PKP

Perniagaan baharu sahaja rancak tiba-tiba dikejutkan dengan perintah kawalan pergerakan (PKP) oleh kerajaan mengakibatkan perniagaan dijalankan mengalami kesukaran proses penghantaran.

Jelasnya, beliau berdepan cabaran untuk menghantar stock durian crepe rabi dari Kuala



Lumpur ke destinasi lain seperti Kelantan, Kedah dan Johor.

"Sebelum ini kita kejar lori untuk tumpang stock. Kami cari alternatif lain, tetapi bas juga tak jalan," katanya.

Tambahnya, selain berdepan dengan masalah pengangkutan, ketika itu terdapat perbincangan dikalangan rakan niaga bagaimana cara untuk memberhentikan pekerja.


"Kedai terpaksa tutup, ramai sahabat berbincang macam mana cara nak berhentikan pekerja, macam mana nak bayar gaji pekerja," katanya lagi.

Namun, dengan sokongan Dr. Azizan dan RichWorks perniagaan yang dijalankan sejak 2018 dapat beroperasi dengan pendekatan baharu dan meraih keuntungan lumayan.

"Semangat ketika itu merudum, tetapi saya tengok Dr. Azizan sentiasa berhubung dengan anak didik menerusi platform digital. Semangat yang Dr. Azizan

suntik, saya salurkan pula kepada team.

"Dr. Azizan pesan, manfaatkan sepenuhnya platform online, kami tunjukan hasil jualan yang diraih sebagai motivasi, semakin hari semakin meningkat. Saya yakinkan pasukan untuk buat jualan semasa PKP," jelasnya.



## PENCAPAIAN

Berkat bimbingan yang betul, syarikatnya berjaya mencapai jualan RM1.1 juta pada September 2019 berbanding jualan pada 2018 berjumlah RM147, 000.

Manakala, pada 2020 syarikatnya meraih jualan sebanyak RM2.2 juta dan meningkat kepada RM4.3 juta pada 2021.

Pada 2020, Robiatul juga sudah mampu memiliki kedai dan kilangnya sendiri.

"Kalau dulu perniagaan saya hanya beroperasi dari rumah, tetapi kini saya sudah pun mempunyai kedai dan kilang," ujarnya sambil tersenyum.

Apa yang lebih manis, wanita itu turut berkemampuan membelikan ayahnya sebuah

kereta secara tunai dan memberikan wang saku kepada emak dan ibu mertuanya.

Robiatul memberitahu, jika dulu, beliau tidak pernah terlintas memiliki kereta mewah, tetapi kini sudah mampu membeli dua kereta jenis Proton X70 dan Toyota Vellfire.

"Sejak zaman kecil sehingga besar kami tak pernah ada kereta keluarga, selain teksi pinjam daripada syarikat. Kekurangan kemampuan keluarga saya itu yang mendorong saya rasa hendak buat tindakan luar biasa," jelasnya.

Tambah Robiatul, dulu beliau juga hanya menyewa rumah RM350 sebulan, sekarang mampu beli rumah berharga hampir RM800,000.

Daripada seorang guru tadika yang memiliki pendapatan hanya RM900 sebulan, Robiatul kini mampu menjana keuntungan menerusi hasil jualan yang mencecah RM3.5 juta pada 2021.

**PERTAMA**, bina dan kongsi pengalaman agar orang lain juga dapat manfaat.

"Binalah pengalaman untuk diri sendiri terlebih dahulu dan setelah itu, kongsikanlah pengalaman itu dengan orang lain agar mereka juga dapat memanfaatkannya," katanya.

**KEDUA**, jangan berhenti tuntut dan dalami ilmu perniagaan.

"Jangan berhenti untuk belajar bagi mendalami ilmu perniagaan, jika berhasrat untuk berjaya dalam bidang tersebut," tegasnya.

**KETIGA**, tanpa ilmu perniagaan sukar meningkat maju.

"Tanpa ilmu, sesebuah perniagaan yang diusahakan itu sudah tentu sukar untuk meningkat maju," jelasnya. ●



## NASIHAT ROBIATUL ADAWIYAH

# 'RAJA BUAH' SEMAKIN MAHAL, RANCAKKAN INDUSTRI DURIAN NEGARA

**S**ebut sahaja raja buah sudah pasti ramai yang akan membayangkan kulitnya yang berduri serta isi berwarna kuning keemasan.

Sabtu tahun durian atau lebih terkenal dengan gelaran raja buah akan sentiasa mendapat sambutan yang tinggi serta bualan hangat daripada masyarakat di negara ini kerana buah tersebut mempunyai 'penunggunya' yang tersendiri.

Durian mempunyai ciri tarikan yang tersendiri serta kepuasan yang tiada tandingan buat penggemarnya.

Namun, terdapat golongan tidak menyukai bau dan rasa buah itu bergantung kepada penerimaan masing-masing.

## INDUSTRI MAKANAN

Di Malaysia, durian digunakan secara meluas dalam industri makanan contohnya penghasilan ais krim, kek, keropok, snek ringan, kaya roti malah dijadikan sebagai manisan tradisional dan moden seperti serawa durian, bubur dan crepe.

Uniknya buah durian ini kerana berjaya merapatkan hubungan kekeluargaan serta



persahabatan kerana kemeriahannya akan dirasai apabila dikongsi bersama.

Kadang-kala kita juga dapat melihat penduduk di negeri selatan sanggup datang ke utara tanah air melakukan konvoi untuk merasai keenakan raja buah ini.

## KHASIAT DURIAN

Menurut artikel diterbitkan Universiti Putra Malaysia, durian menawarkan khasiat serta kebaikan terhadap aspek kesihatan kerana mengandungi komponen berkhasiat iaitu Karotenoid dan Flavonoid yang bersifat anti oksida serta Polifenol bertindak sebagai anti radang.

Durian juga membantu penghadaman berikutnya kandungan seratnya yang mampu untuk melancarkan pergerakan usus dan penghadaman.

Durian yang kaya dengan kandungan zat besi membantu mencegah anemia kerana zat besi merupakan elemen penting diperlukan untuk pembentukan sel darah merah.

Menariknya, setiap 100g durian menyumbang kira-kira 23.3mg Vitamin C. Ini menunjukkan bahawa durian mempunyai komposisi Vitamin C yang tinggi sekaligus mampu mencegah penyakit skurvi (kekurangan Vitamin C) dan meningkatkan sistem imunisasi badan.

Tapi jangan pula makan durian secara berlebihan. Hal ini kerana kandungan karbohidrat yang tinggi dalam buah durian akan menyebabkan kenaikan aras gula dalam darah terutamanya kepada pesakit diabetes.

Sekiranya kandungan gula dalam darah tidak terkawal sebarang kemungkinan boleh berlaku.

## MUSANG KING

Menurut Jabatan Pertanian Malaysia lebih daripada 200 variasi durian telah didaftarkan dibawahnya dan Malaysia merupakan negara penghasil durian terbanyak mengatasi Thailand dan Indonesia.

Jabatan Pertanian Negeri Kedah pula memperkenalkan varieti durian baharu yang dikenali sebagai D216 (J Sparrow) dan D217 (Jerai) yang ditanam di ladang durian di Kampung Ketapang, Sungai Tok Pawang, Bedong.

Durian yang paling popular serta sering memegang takhta raja buah di negara ini tidak lain dan tidak bukan Musang King dengan kod D197 yang berasal dari Tanah Merah, Kelantan selain menjadi kegemaran import ke negara China, Amerika Syarikat dan Australia.

Permintaannya yang tinggi menjadikan harganya lebih mahal.

## HARGA MENINGKAT

Umum mengetahui, harga durian kini semakin mahal. Kita sememangnya tidak mahu harga durian terus meningkat memandangkan sistem pemasaran telah berubah kepada kaedah timbang berbanding membeli durian secara longgok seperti dahulu kala.

Pengarah Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Siti Zaharah Sakimin mencadangkan memperbanyak lagi industri durian dengan menggalakkan penanaman.

Potensi penurunan harga durian akan berlaku sekiranya industri durian negara lebih rancak dan membantu masyarakat untuk membelinya kerana harga yang ditetapkan bergantung pada kuantiti penghasilan durian di Malaysia.

Jelasnya lagi, Musang King memiliki rasa dan harga yang premium kadang kala mencecah sehingga RM80 per kilogram perlu diperbanyakkan lagi penanamannya agar dapat dipasarkan dengan lebih meluas dan rakyat di Malaysia juga dapat memilikinya dengan 'harga marhaen'.

Secara logiknya sesuatu barang itu akan turun harganya apabila kuantitiya banyak dihasilkan namun apabila barang tersebut memiliki kuantiti yang terhad dan sedikit akan menyebabkan rakyat tidak mampu memilikinya.

## LUAS AKSES PASARAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga bekerjasama dengan pihak kementerian untuk memperluaskan akses pasaran durian yang berpotensi dengan pelbagai promosi dan kempen kesedaran para pengguna di luar negara.

Ini menunjukkan industri durian mampu menjadi sumber kekayaan baharu negara dengan banyak eksport ke pasaran berpotensi tinggi di pelbagai negara.

Berdasarkan rekod FAMA, nilai eksport durian pada 2016 ialah sebanyak RM69.9 juta manakala pada 2020 pula telah melepassi RM144.7 juta. Jabatan Pertanian Malaysia menganggarkan pengeluaran durian di negara ini dijangka meningkat kepada 493,397 tan menjelang 2025 ekoran penggunaan teknologi tinggi.

Justeru, kita mengharapkan pengusaha durian menawarkan pelbagai varieti durian atau durian klon seperti durian botak yang akan menjadi produk baharu kepada penggemar durian di negara ini.

Selain itu, perlunya untuk memperbanyakkan penanaman pokok durian yang sering

**DURIAN YANG PALING POPULAR SERTA SERING MEMEGANG TAKHTA RAJA BUAH DI NEGARA INI TIDAK LAIN DAN TIDAK BUKAN MUSANG KING DENGAN KOD D197 YANG BERASAL DARI TANAH MERAH, KELANTAN SELAIN MENJADI KEGEMARAN IMPORT KE NEGARA CHINA, AMERIKA SYARIKAT DAN AUSTRALIA.**

mendapat permintaan dalam dan luar negara agar meningkatkan lagi ekonomi negara di samping ia juga membolehkan petani dan pengusaha mendapat peluang lebih baik pada masa hadapan.

## BENIH DURIAN

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) akan membekalkan benih buah-buahan dan sayuran-sayuran terpilih secara percuma kepada petani di seluruh negara.

Petani yang mempunyai tanah yang sah sama ada pemilikan sendiri, pajakan atau sewaan, membabitkan tanaman termasuk durian, belimbing dan keledek.

Pada perkembangan sama, Jabatan Pertanian turut menjalankan program pembangunan kluster durian.

Bagi yang berminat anda boleh mendapatkan maklumat lanjut dari Pejabat Pertanian Daerah terdekat atau layari laman web <http://www.doa.gov.my.> ●

**Business  
Evaluation  
Success  
Transformation**

**best**



**SETIAP SABTU | 10 pagi - 12 tengahari**



**KITA SEDANG BERDEPAN EKONOMI KRISIS GLOBAL!**  
**Adakah ANDA sebagai Usahawan  
TAHU NAK BUAT APA dengan  
Bisnes anda sekarang?**

**Lokasi: Pejabat RichWorks, RichQ, Shah Alam**



**RICHWORKS™**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

# 10X BINA BISNES BERJAYA 2022

**BAKAL DIBAWAKAN KHAS  
BUAT BANGSA USAHAWAN  
OKTOBER INI!**

Perkuatkan bisnes ANDA  
mendepani cabaran masa ini

Jadi bangsa usahawan terawal  
dapatkan tempat & maklumat terkini -  
program-program keusahawanan  
RichWorks dalam menyokong ANDA.



Prapendaftaran  
dengan imbas  
kod QR tertera atau layari  
[www.binabisnesberjaya.com](http://www.binabisnesberjaya.com)  
sekarang!



E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™  
THE TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.